

Headline	Ramai wanita jadi mangsa		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	7	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	243 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,940
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,820



Ramai wanita jadi mangsa

KUALA LUMPUR: Persepsi negatif terhadap pesakit Aids dan HIV membuatkan mereka dihukum sebagai pesalah di kalangan anggota masyarakat.

Presiden Lembaga Kaunselor Profesional Malaysia, Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata, tindakan itu tidak wajar kerana masyarakat perlu lebih prihatin dengan nasib golongan berkenaan, terutama jika mereka di kalangan ahli keluarga.

“Konsep salah membelenggu pemikiran masyarakat menyebabkan pembawa HIV disisihkan.

“Tambah menyedihkan, ahli keluarga sendiri memandang jijik terhadap kesilapan dilakukan orang lain dan biasanya golongan yang sering menjadi mangsa ketidakadilan adalah wanita.

“Dalam tempoh 10 tahun, jumlah itu meningkat sehingga tiga kali ganda dan kebanyakan kes dilaporkan membabitkan wanita yang tinggal di pantai timur bersempadan Thailand,” katanya.

Mengenai Haina yang diabaikan keluarga, Dr Mohamed Fadzil berkata, wanita itu perlu kekal positif dan stabilkan emosi supaya dapat merangsang akal untuk terus optimis.

“Secara tidak langsung ia membantu mencorakkan tingkah laku positif dan boleh membantu mengubah pandangan orang lain, terutama keluarga, untuk menerimanya,” katanya.

Menurutnya, lazimnya, ahli keluarga yang menyisihkan pesakit Aids hanya akan berasa kehilangan individu berkenaan selepas pesakit meninggal dunia.

“Selalunya perasaan sesal dirasai sebaik si pembawa HIV meninggal dunia ketika itu semua sudah terlambat. Oleh itu, adalah lebih baik memberikan sokongan kepada pesakit ketika mereka masih ada,” katanya.



DR MOHAMED FADZIL...
usah sisih pesakit



ISI MASA... penghuni melakukan pelbagai aktiviti di Rumah Solehah.